

29/04/1998

Kemahiran rakyat tetap ditingkat

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berusaha meningkatkan kemahiran rakyat terutama dalam bidang sains dan teknologi di samping memastikan mereka mempunyai jati diri yang kental serta berakhlak tinggi.

Perdana Menteri berkata, ia adalah satu kejayaan jika rakyat khususnya umat Islam di negara ini mahir di bidang sains dan teknologi kerana ia menjadikan umat Islam lebih maju.

Bagaimanapun, pada masa yang sama, kerajaan juga ingin memastikan rakyat mempunyai jati diri yang kental serta berakhlak tinggi.

"Tidak ada gunanya seseorang yang mempunyai kemahiran tetapi akhlaknya rendah kerana ia boleh merosakkan diri sendiri, masyarakat dan negara," katanya dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata program perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1419 di Pusat Islam di sini, hari ini.

Perhimpunan peringkat kebangsaan yang bertemakan `Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita' itu dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan dihadiri kira-kira 1,300 umat Islam.

Dr Mahathir berkata, hasrat meningkatkan kemahiran rakyat dengan mempunyai jati diri dan berakhlak mulia adalah selaras dengan tuntutan ajaran Islam, iaitu untuk membina insan dan meningkatkan akhlak.

Menurutnya, walaupun negara menghadapi keadaan ekonomi yang tertekan, ia tetap tidak akan melunturkan semangat dan usaha kerajaan bagi terus membangunkan negara.

"Membangunkan negara bererti membangunkan umat. Usaha membangunkan umat adalah jalan ke arah membangunkan agama. Agama tidak boleh dibangunkan jika umatnya lemah dan mundur," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara usaha kerajaan membangunkan agama dan umat ialah melalui pembangunan pendidikan.

Menurutnya, hasil utama yang diperolehi daripada sistem pendidikan yang dibangunkan ialah kurangnya kadar buta huruf, kemiskinan dan pengangguran.

Ketika ini, katanya, peratusan tidak tahu membaca dan menulis di negara ini berada pada tahap 12 peratus, manakala kadar kemiskinan 8.9 peratus dan pengangguran 2.5 peratus.

"Ini adalah antara punca mengapa negara kita cepat membangun sehingga kita mampu menjadi pusat perdagangan di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir menekankan ketika Malaysia berjaya mengurangkan tahap buta huruf kepada 12 peratus, purata kadar buta huruf di kalangan umat Islam di dunia hari ini, bagaimanapun berada pada angka yang amat tinggi, iaitu 40 peratus.

"Dengan kadar buta huruf yang tinggi, amat sukar bagi umat Islam di negara-negara berkenaan untuk bangkit menandingi umat lain di seluruh dunia," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang turut melakarkan kata-kata aluan dalam program yang sama, berkata sambutan Maal Hijrah diadakan di Pusat Islam dan tidak di Stadium Negara seperti biasa, sebagai langkah berjimat cermat bagi menyesuaikan sambutan ini dengan keadaan ekonomi semasa.

"Tetapi, ini bukan bermakna acara-acara perlu digugurkan atau dikurangkan dalam majlis sambutan ini. Kita akan tetap menjadikan sambutan ini sebagai acara tahunan yang bermakna," katanya.

(END)

